

# Amanat **TAHUN BAHARU** **2023**

## Ramadhan **1444H**

### **MENARIK**

- 09** WAKTU MUSTAJAB BERDOA  
DI BULAN RAMADAN
- 11** KELEBIHAN BERZIKIR  
DENGAN JARI
- 18** RAMADAN DAN  
PEMBAZIRAN



IMBAS OR  
DIBAWAH !



# Kalam Menteri Besar

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته  
الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على اشرف الانبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين



Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Dan (ingatlah), Allah menciptakan langit dan bumi dengan cara yang sungguh layak dan berhikmat (untuk membuktikan keesaanNya dan keadilannya), dan supaya tiap-tiap diri diberi balasan dengan napa yang telah mereka kerjakan (baik atau jahat), sedangkan mereka tidak dikurangkan balasannya sedikitpun."

(al-Jasiyah: 22)

Alhamdulillah, pertamanya saya mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga IPTG kerana telah berjaya memberi kerjasama dan komitmen sepenuhnya kepada kerajaan Negeri Kelantan pada tahun lepas. Tinggi harapan saya agar kerjasama dan komitmen daripada semua kakitangan IPTG dapat diteruskan dan ditingkatkan lagi pada tahun ini.

Bersyukur juga kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin limpah kurniaNya Buletin Bil. 01/2023 dapat diterbitkan. Terima kasih juga khususnya kepada pasukan sidang redaksi yang bertungkus lumus sehingga berjayanya menerbitkan buletin edisi kali ini.

Sesungguhnya tahun 2023 ini pasti lebih mencabar bagi semua penjawat awam termasuk warga IPTG dalam memastikan visi dan misi organisasi tercapai. Tahun ini merupakan tahun ke-32 pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan ditunjangi oleh dasar Membangun Bersama Islam. Ini merupakan anugerah oleh Allah SWT kepada seluruh rakyat Kelantan dalam meletakkan Islam sebagai ad-deen di kedudukan paling tinggi. Hasrat saya amatlah besar agar Pengembangan Dasar Membangun Bersama Islam ini diteruskan lagi oleh IPTG menerusi aktiviti-aktiviti dan program-program yang bakal dilaksanakan pada tahun ini. Insya-Allah.

Akhir kata, saya mendoakan kesejahteraan dan kejayaan kepada semua warga IPTG. Semoga segala usaha yang dilakukan ini mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT.  
Sekian, wassalam.

YAB Dato Bentara Kanan  
Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob  
Menteri Besar Kelantan



# Kata Penerbit

ET

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته  
الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وآله وآل بيته وأصحابه

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Tidakkah engkau memerhatikan, bahawa Allah SWT menurunkan hujan dari langit, lalu dialirkannya menjadi mata air-mata air di bumi; kemudian ia menumbuhkan dengan air itu tanaman-tanaman yang berbagai jenis dan warnanya; kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar (hingga ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; kemudian ia menjadikannya hancur bersepai? Sesungguhnya segala yang tersebut itu mengandungi peringatan yang menyedarkan orang-orang yang berakal sempurna."

(az-Zumar: 21)

Alhamdulillah segala puji kepada Allah SWT Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, para sahabat, keluarga serta seluruh pengikut Baginda.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada seluruh warga IPTG khususnya sidang redaksi penerbitan IPTG yang telah berjaya menerbitkan buletin edisi 01/2023 untuk kali ini. Pada bulan Februari lepas, IPTG juga telah berjaya menerbitkan dua buah buku iaitu buku "Solat Tiang Agama" dan buku ini telah dilancarkan sempena Majlis Perasmian Sambutan Bulan Solat Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1444H yang telah disempurnakan oleh YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan dan sebuah lagi buku bertajuk "Rahsia-rahsia Tok Guru". Buletin kali ini akan berkongsi pelbagai aktiviti dan program yang telah dilaksanakan oleh IPTG sepanjang Januari hingga Mac 2023.

Akhir sekali, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dan sentiasa memberi sokongan dan kerjasama kepada warga IPTG. Harapan saya juga agar warga IPTG sentiasa memberi komitmen penuh dan kerjasama sepanjang melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan.

Semoga apa yang diberikan ini akan mendapat redha Allah SWT dan digantikan dengan yang jauh lebih baik dan melimpah  
Sekian, wassalam.

YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Johari Mat  
Pengarah  
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia



BT

# ISI KANDUNGAN

|    |   |
|----|---|
| 02 | KALAM MENTERI BESAR   |
| 03 | KATA PENERBIT   |
| 05 | BERITA & AKTIVITI IPTG  |
| 08 | DOA   |
| 11 | ARTIKEL 1:<br>KELEBIHAN BERZIKIR<br>DENGAN JARI                         |
| 14 | BERITA & AKTIVITI IPTG II   |
| 21 | PESAN TOK GURU:<br>SOLAT DAN ISTIGHFAR                                  |
| 04 | SIDANG REDAKSI  |
| 06 | RENCANA:<br>WAFA' BIL 'UQUD (BHGN III)                                  |
| 09 | INFOGRAFIK:<br>WAKTU AFDAL & MUSTAJAB<br>UNTUK BERDOA DI BULAN RAMADHAN |
| 13 | HADIS: SIRI 5   |
| 18 | ARTIKEL 2:<br>RAMADAN DAN PEMBAZIRAN                                    |
| 22 | GALERI FOTO: SANA SINI IPTG   |

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan  
Dato' Haji Ahmad Bin Yakob

### PENASIHAT

YBhg. Profesor Emiritus  
Dato' Dr. Johari Mat

### PENYELARAS

Ustaz Zulkiple Bin Mat Yusof

### PENOLONG PENYELARAS

Mohd Hafizi Bin Mahadi

### KETUA PENGARANG

Nurliyana Binti Ahmed

### SIDANG PENGARANG

Norshafinaz Binti Nazaruddin

### EDITOR

Ahmad Fathi Bin Yusof  
Nabil Abqari Bin Zuhaidi  
Siti Nur Amirah Bt Fauzi

### JURUFOTO

Muhammad Khairul Naim Bin Jazli  
Wan Muhammad Faizat Bin  
Wan Sanusi

### ALAMAT SURAT MENYURAT

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia,  
Tingkat Bawah, Blok Dewan Undangan Negeri Kelantan,  
Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan.

# Amanat TAHUN BARU 2023

Majlis Amanat Khas Tahun Baharu 2023 dan Perhimpunan Penjawat Awam Negeri Kelantan telah diadakan pada 05 Januari 2023 / 12 Jamadil Akhir 1444H di Dewan Jamuan Utama, Kompleks Kota Darul Naim.

Amanat kali ini menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan mengekalkan tema '**Kelantan Maju Rakyat Sejahtera**' yang bakal ditunjangi menerusi empat pendekatan berikut:

**PERTAMA:**

القيادة الريادية

Kepimpinan Rabbani

**KEDUA:**

القيادة النزاهة

Kepimpinan Berintegriti

**KETIGA:**

القيادة الإنسانية

Kepimpinan Manusiawi

**KEEMPAT:**

القيادة الأدائية

Kepimpinan Berprestasi



Menteri Besar Kelantan, YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad bin Yakob turut melancarkan E-Buku Koleksi Dasar-Dasar Kerajaan Negeri Kelantan 1990-2022 yang diterbitkan oleh Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) dan Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik (SPARK), Pejabat Menteri Besar Kelantan.

Beliau mengucapkan tahniah kepada semua penjawat awam yang telah melaksanakan dasar kerajaan dengan jayanya sepanjang tahun 2022. Semoga tahun 2023 ini melakar lebih banyak kejayaan dan kecemerlangan.



# Pengurusan Ihtirafi

## TUNJANG KESEJAHTERAAN



### Bahagian III

Antara ciri-ciri pengurusan ihtirafi ialah:

#### 1 | Wafa' Bil 'Uqud:

Meletakkan keazaman yang tinggi untuk mencapai piawaian yang terbaik dalam tugasannya

Ciri ketiga dalam Pengurusan Ihtirafi ialah Wafa' Bil 'Uqud. Ia dapat difahami sebagai keinginan untuk mencapai piawaian yang terbaik. Penjawat awam yang memikul tanggungjawab perlu memastikan tanggungjawabnya dilaksanakan. Mereka juga harus menyedari bahawa segala kerja (tanggungjawab) yang dilakukan di dunia ini akan dipersoalkan oleh Allah di hari pengadilan kelak. Sebagai contoh, jabatan atau agensi telah menetapkan Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Indicator (KPI) berdasarkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT).



Sasaran dan piawaian itu bukanlah sekadar di atas kertas, malah hendaklah diterjemahkan dengan pencapaian terbaik kerana melalui sasaran dan KPI kerja itulah akad dan perjanjian dengan jabatan yang melambangkan maruah kita sebagai penjawat awam. Sekiranya kita gagal untuk mencapai KPI yang ditetapkan, itu menunjukkan kita masih belum cemerlang dan itqan dalam melaksanakan tugas. Maka, kita hendaklah sentiasa berusaha dan berkeinginan untuk melaksanakan tugas kerana itu adalah perjanjian dan kehormatan diri kita sebagai penjawat awam.

Firman Allah SWT yang bermaksud:  
*"Orang-orang yang menyempurnakan perjanjian Allah SWT dan tidak merombak (mencabuli) perjanjian yang telah diperteguhkan itu."*

(ar-Ra'd: 20)

# Pengurusan Ijtirafi


## TUNJANG KESEJAHTERAAN

Bahagian III

### 2 | Himmatal 'Amal:

Berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai kualiti kerja yang terbaik di dalam kerjaya

Ciri keempat pula ialah mengejar peningkatan kualiti dan cita-cita dalam profesion. Jika tadi kita meletakkan sasaran untuk dicapai dalam kerja dan tugas, maka peringkat seterusnya adalah usaha untuk meningkatkan lagi kualiti dan cita-cita melebihi daripada sasaran yang diletakkan. Contohnya, pekerja yang profesional sudah tentu akan memikirkan sasaran dalam meningkatkan prestasi kerjanya dari hari ke hari, bulan ke bulan. Ini bertepatan dengan hasrat Himmatal 'Amal iaitu untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan masyarakat.



Selama 32 tahun diterapkan dengan konsep Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan, kita sebagai penjawat awam sedar bahawa pekerjaan yang kita lakukan ini bukanlah semata-mata kerana gaji sahaja, tetapi sebagai ibadah kepada Allah SWT kerana berbakti dan berkhidmat kepada masyarakat.

Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*"Sesungguhnya Allah SWT amat menyukai hambaNya yang apabila melakukan kerja, sentiasa menekuninya dan memperkemas hasilnya."*

(HR Tabrani)



*Doa*

# Keluar Dari Rumah

حَلْوَارِ حَرَبِيِّ رُومَه

بِسْمِ اللَّهِ، تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Maksudnya:

*"Dengan nama Allah, aku bertawakkal kepada Allah, tiada daya dan kekuatan melainkan dengan pertolongan Allah."*

Islam mengajar kita untuk ingat kepada Allah dan bertawakkal kepadaNya dalam setiap perkara yang dilakukan. Begitu juga ketika hendak menuju ke sesuatu destinasi sama ada ke tempat kerja, pulang ke kampung halaman, bercuti atau sebagainya. Kita perlulah memohon kepada Allah agar dilindungi daripada sebarang malapetaka dan kemalangan yang tidak diingini. Oleh itu, dianjurkan kepada kita untuk berdoa ketika hendak keluar dari rumah dan mulakan perjalanan.

Rasulullah SAW juga mengajar kita untuk berdoa agar terlindung daripada perkara yang tidak diingini. Hal ini kerana kita sebagai manusia tidak mengetahui bahaya yang berada disekeliling kita dan apa yang bakal berlaku. Oleh itu bagi mereka yang mengamalkan doa ketika hendak keluar rumah mereka akan mendapat banyak kelebihan, antaranya:

- 1 Diberikan petunjuk dalam perjalanan.
- 2 Diberikan perlindungan dari kemalangan, keburukan, bahaya dan godaan.
- 3 Dijauhkan dari tipu daya syaitan.
- 4 Diberikan kecukupan terutamanya bagi mereka yang keluar mencari rezeki, maka dengan izin Allah SWT Dia akan memberikan kecukupan kepada diri dan keluarga kita.
- 5 Syaitan tidak mampu menggoda manusia kerana telah dikhabarkan kepada syaitan bahawa orang itu telah membaca doa keluar rumah.

Maha suci Allah, sesungguhnya Dia sentiasa berada dekat dengan hambaNya asal saja kita sentiasa ingat kepadaNya. Bacaan doa yang ringkas itu, memberikan kelebihan yang luar biasa untuk kita semua. Semoga Allah memberkati perjalanan dan urusan kita sepanjang berada di luar.



*Waktu*  
**BERDOA**  
DI BULAN

**AFDAL DAN MUSTAJAB**  
**RAMADAN**



## WAKTU SAHUR

Allah SWT berfirman:

*"Ketika waktu sahur (akhir-akhir malam), mereka berdoa memohon keampunan."*

(az-Zariyat: 18)



## SEMASA SEDANG BERPUASA

Sabda Rasulullah SAW:

*"Ada tiga golongan yang doa mereka tidak ditolak: orang yang berpuasa hingga ia berbuka, pemimpin yang adil dan doa orang yang dizalimi."*

(HR Tarmizi)



## ANTARA AZAN DAN IQAMAH

Rasulullah SAW bersabda:

*"Doa yang tidak ditolak ialah doa antara azan dan iqamah."*

[HR Tarmizi]



*Waktu*  
**BERDOA**  
DI BULAN

# AFDAL DAN MUSTAJAB **RAMADAN**

## KETIKA BERBUKA PUASA

Sabda Rasulullah SAW:

*"Sesungguhnya orang yang berpuasa memiliki doa yang tidak tertolak pada saat berbuka."*

(HR Ibnu Majah)

## MALAM LAILATUL QADAR

Ummul Mukminin Aisyah RA menceritakan:

*"Aku bertanya kepada Rasulullah SAW: Wahai Rasulullah SAW, menurutmu apa yang sebaiknya aku ucapkan jika aku menemukan malam Lailatul Qadar? Baginda bersabda: Berdoalah: Allahumma innaka 'afuwun tuhibbul 'afwa fa'fu'anni (ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pengampun dan menyukai sifat pemaaf, maka ampunilah aku)."*

(HR Tarmizi)

## SATU PERTIGA MALAM TERAKHIR

Rasulullah SAW bersabda:

*"Rabb kita Tabaraka wa Ta'alā turun ke langit dunia ketika tersisa sepertiga malam terakhir. Lantas Allah berfirman, "Siapa saja yang berdoa kepadaKu, nescaya akan Aku kabulkan. Siapa yang meminta kepadaKu, nescaya Aku beri. Siapa yang meminta ampunan kepadaKu, nescaya akan Aku ampuni."*

(HR Bukhari dan Muslim)



# Kelebihan BERZIKIR MENGGUNAKAN JARI

Berzikir atau zikrullah (mengingati Allah SWT) adalah satu ibadat yang istimewa kerana ia terbuka dan mudah diamalkan meskipun seseorang itu berada dalam apa-apa keadaan pun. Menurut Imam Nawawi, para ulamak bersepakat bahawa hukumnya harus berzikir seperti bertasbih, bertahmid, bertakbir, berselawat, berdoa dan seumpamanya secara dalam hati dan lisan bagi mereka yang berhadas, berjunub, haid dan nifas.

Kebiasaannya kita melihat ramai orang yang berzikir atau bertasbih menggunakan alatan seperti tasbih manik atau tasbih digital. Ia seakan-akan menjadi barang yang wajib ada buat orang Islam kerana alat tersebut sangat memudahkan kita untuk mengira jumlah zikir yang dibaca. Ini mungkin kerana reka bentuknya yang kecil dan ringan, mudah saja untuk dibawa kemana-mana.

Tetapi sekiranya kita tidak mempunyai alatan itu, adakah ia menjadikan alasan untuk kita tidak berzikir? Tidak, itu bukanlah alasan untuk kita tidak membiasahkan lidah dengan membesarkan Allah SWT yang menciptakan segala makhluk yang ada di muka bumi ini. Bahkan, Rasulullah SAW juga menggunakan jari ketika berzikir dan bertasbih.



**Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:**

*"Wahai para wanita mukminah, kalian haruslah rajin bertasbih, bertahlil dan mensucikan nama Allah SWT. Janganlah kalian lalai sehingga melupakan rahmat. Hitunglah dengan jari-jari kalian kerana semua jari itu akan ditanya dan diminta untuk bicara (ditanya pada hari akhirat kelak.)"*

(HR Ahmad, Abu Daud dan Tirmizi)

Hadis di atas menunjukkan bahawa jari kita akan menjadi saksi kepada kita sama ada kita berbuat baik atau sebaliknya. Seandainya kita gunakan jari-jari ini untuk bertasbih dan berzikir serta seumpamanya, jari inilah yang akan menjadi saksi di hadapan Allah SWT bahawa kita menggunakan untuk mengingatiNya.

Sebenarnya, bertasbih atau berzikir menggunakan apa sahaja alat tidak menjadi halangan. Malah, sangat dianjurkan jika dengan adanya alat sebegini lebih mendorong seseorang itu untuk mengingati Allah SWT.

Namun, lebih afdal berzikir dan bertasbih dengan menggunakan jari berdasarkan beberapa hadis, antaranya ialah:

**Daripada Abdullah bin 'Amr, beliau berkata:**

*"Saya melihat Rasulullah SAW menghitung tasbih dengan melipatkan jari-jari menggunakan tangan kanannya."*

(HR Abu Daud dan Tirmizi)

Maksud menghitung menurut amalan orang Arab adalah dengan meletakkan salah satu hujung jari pada pelbagai ruas jari yang lain. Dan kita juga dianjurkan untuk berzikir dengan menggunakan tangan kanan kerana Rasulullah SAW sentiasa mendahulukan anggota badan yang kanan untuk hal yang baik.

Contoh kaedah pengiraan zikir menggunakan jari yang boleh kita amalkan.

Justeru, terdapat banyak kelebihan berzikir dengan jari. Walau sesibuk mana pun, latihlah diri agar sebatи dengan amalan mulia ini. Paling tidak pun, lakukanlah pada setiap kali selepas menunaikan solat atau sebelum tidur sebagai pemberat amal untuk kita pada hari perhitungan kelak.

# SIRI 5

عنْ قَمِيمِ الدَّارِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ  
”الدِّينُ النَّصِيحَةُ“ قُلْنَا لِمَنْ قَالَ ”لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ  
وَلِأَمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ“

Maksudnya:

*Daripada Tamim al-Dari R.A. bahawa Nabi SAW telah bersabda: "Agama itu adalah nasihat". Kami berkata: "Untuk siapa?" Baginda bersabda: "Untuk Allah, untuk kitabNya, untuk RasulNya, untuk para Imam kaum muslimin dan untuk umat Islam seluruhnya."*

Riwayat Muslim (55)

## PENGAJARAN HADIS

Agama adalah nasihat yang bermaksud agama itu terletak pada nasihat kerana nasihat itu mengandungi ketaatan kepada Allah dan RasulNya, beriman serta beramal dengan kitabnya. Islam adalah agama yang menjadikan nasihat sebagai teras pembinaan umat, menjaga perpaduan, mencapai kemajuan dan pembangunan duniawi serta rohani.

Nasihat atau menunaikan hak kepada Allah, KitabNya dan RasulNya bererti beriman dengan semua perkara tersebut dan beramal berpandukan tuntutannya yang sebenar. Nasihat untuk Allah SWT bermaksud beriman kepada Allah SWT dengan mentauhidkan Allah SWT, menunaikan hak-hak Allah SWT sama ada hak yang wajib mahupun yang sunat. Ikhlas dalam beramal, menjauhi maksiat dan berjihad di jalannya. Manakala nasihat untuk RasulNya bermaksud dengan cara membenarkan ajarannya, mengimani semua yang dibawa, mencintai dan mencontohi akhlaknya, berselawat serta menghidupkan sunnahnya, mentaati seruannya dan menyebarluaskan sunnahnya.

Seterusnya, nasihat untuk KitabNya bererti menunaikan hak al-Quran. Hak al-Quran ialah hak untuk dipelajari, dibaca, dijadikan sebagai petunjuk dan hidayah dengan membenarkan beritanya dan melaksanakan perintahnya. Islam juga memperuntukkan hak memberi nasihat kepada semua umatNya tanpa mengira kedudukan dan status termasuklah dalam hubungan pemerintah dengan rakyat.

Hadis ini mengingatkan kita bahawa agama Islam merupakan nasihat terbesar bagi kita. Dengan demikian, diharapkan agama menjadi nasihat dan peringatan kepada kita untuk saling nasihat-menasihati, ingat-mengingati agar menjadi muslim yang menunaikan hak Allah SWT, hak al-Quran, hak Rasul dan hak pemimpin dan rakyat.

# تقویم

Taqwim  
**SIARAN  
MINGGUAN #IPTG**  
**AHAD HINGGA KHAMIS**  
**2023**



PENAMPILAN KHAS  
- DATO' DR. JOHARI MAT  
- USTAZ MUHAMAD MUSTAFA



PENAMPILAN KHAS  
- DATO' DR. JOHARI MAT



PENAMPILAN KHAS  
- USTAZ SAIBON ISMAIL



PENAMPILAN KHAS  
- USTAZ SUHAIMI MOHAMED



PENAMPILAN KHAS  
- USTAZ NOR AZARIZA



PENAMPILAN KHAS  
- USTAZ ZULDARMAIN HASSAN

1 KALI SEBULAN



SIARAN ULANGAN  
KULIAH PAGI JUMAAT  
TOK GURU NIK ABDUL AZIZ



**09:30 PAGI**  
**(30-60 MINIT)**

**TONTON DI FACEBOOK, YOUTUBE & TIKTOK**  
Facebook: Institut Pemikiran Tok Guru | Youtube: @iptgtv | Tiktok: @tv.iptg

**AYUH KITA IKUTI SETIAP PERKEMBANGAN IPTG**

sepanjang hari pada waktu yang sama eksklusif  
di media sosial IPTG!



**SE PANJANG BULAN  
RAMADAN**

SETIAP  
JAM



linktr.ee/iptg

# QaSeH RAMADAN

EKSKLUSIF DI FACEBOOK (@IPTG) & YOUTUBE (@IPTGTV)



IMBAS KOD QR DIATAS UNTUK MENGAKSES MEDIA SOSIAL DAN PERKEMBANGAN TERKINI IPTG



## Tadarus dan Tadabbur AL-QURAN

SE PANJANG RAMADAN 1444H

EKSKLUSIF DI  
FACEBOOK (@IPTG) & YOUTUBE (@IPTGTV)



linktr.ee/iptg

IMBAS KOD QR INI UNTUK MENGAKSES  
MEDIA SOSIAL DAN PERKEMBANGAN  
TERKINI IPTG



# Pelancaran BUKU SOLAT TIANG AGAMA

Majlis Perasmian Sambutan Bulan Solat Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1444H yang disempurnakan oleh YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan di Dewan Utama, Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Panji, Kota Bharu, Kelantan.

YAB Menteri Besar Kelantan juga melancarkan buku Solat Tiang Agama terbitan Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) dan Bahagian Dakwah Halaqat Negeri Kelantan.

Kerajaan Negeri Kelantan telah memperuntukkan satu juta bermula sejak 2007 bagi memperkasakan tuntutan solat, ucapan penghargaan kepada Bahagian Dakwah Halaqat Negeri Kelantan dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) atas usaha yang berterusan menghidupkan masjid dan surau di negeri Kelantan.



## Penerbitan BUKU RAHSIA- RAHSIA TOK GURU

IPTG telah menerbitkan sebuah buku bertajuk Rahsia-Rahsia Tok Guru berikut daripada siri Biografi Tok Guru Dato' Bentara Setia Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Siri 2). Buku ini dibukukan hasil pembentangan di Wacana Memartabat Legasi Tok Guru Dato' Bentara Setia Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat Sempena Sambutan 3 Dekad Pentadbiran Membangun Bersama Islam yang berlangsung pada 30 Rabiul Awal 1442H / 16 November 2020.

IPTG telah merancang untuk terus menerbitkan lebih banyak lagi buku-buku yang berkaitan dengan Tok Guru Dato' Bentara Setia Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat dari pelbagai sisi untuk menyerlahkan lagi ketokohan beliau dan terima kasih kepada semua yang membantu dalam menyumbang idea dan tenaga bagi memelihara khazanah Tok Guru.



يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتْبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا  
كُتْبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقَوْنَ


"WAHAI ORANG-ORANG YANG BERIMAN, DIWAJIBKAN KEPADA KAMU BERPUASA  
SEBAGAIMANA DIWAJIBKAN KEPADA ORANG-ORANG SEBELUM KAMU  
AGAR KAMU BERTAKWA." (Q.S AL-BAQARAH: 183)

## AMALAN-AMALAN SUNNAH RAMADAN

-  **BERSAHUR DAN  
SEGERA BERBUKA  
PUASA**
-  **QIAMULLAIL,  
SOLAT TERAWIH &  
SOLAT WITIR**
-  **BERIKTIKAF &  
BERDOA**
-  **MEMBACA  
AL-QURAN &  
BERSEDEKAH**
-  **MEMBERI JUADAH  
BERBUKA**



IMBAS OR  
DIBAWAH!



# Ramadan & PEMBAZIRAN



Bulan Ramadan menuntut umat Islam melaksanakan tanggungjawab rukun Islam ketiga, iaitu berpuasa. Ibadah berpuasa pada bulan Ramadan juga mencabar umat Islam dalam mengharungi dugaan melawan hawa nafsu. Ironinya, bulan yang sepatutnya mengajar kita untuk bersederhana turut menjadi bulan yang mencatatkan paling banyak perbuatan pembaziran, hingga sekala tidak langsung ianya menjadi satu budaya.

Allah SWT berfirman:

Maksudnya: "Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada TuhanNya." (al-Isra':27)

Ayat ini merupakan satu peringatan daripada Allah SWT agar kita tidak menjerumuskan diri kepada perkara-perkara yang boleh membawa kepada pembaziran. Jelas bahawa individu yang membazir itu mempunyai sikap yang ditamsilkan dengan amalan syaitan yang sejak azali menjadi musuh nyata bagi manusia. Justeru, apakah kita tidak mahu mengambil iktibar agar kita tidak tergolong menjadi "saudara" kepada syaitan? Lebih-lebih lagi di bulan Ramadan yang menjadikan umat Islam itu sinonim dengan amalan pembaziran yang berterusan.

Bulan Ramadan dikatakan sebagai bulan kita mengekang hawa nafsu, akan tetapi bulan ini jugalah pembaziran dan sikap berlebih-lebihan seolah-olah menjadi kebiasaan

Sepatutnya Ramadan mendidik manusia bersikap sederhana, jimat cermat dan tidak melampaui batas tetapi sebaliknya berlaku apabila tiba bulan yang penuh keberkatan ini. Semua orang akan berbelanja besar untuk aneka juadah hidangan sebulan berpuasa dan persiapan menyambut hari raya yang menuntut perbelanjaan berganda daripada bulan-bulan lain..

Tidak hanya berkisar tentang makanan atau perbelanjaan, malah pembaziran juga meliputi banyak perkara dalam kehidupan muslim. Ibnu Qayyim al-Jawziyyah telah menggariskan 9 jenis pembaziran yang seringkali dilakukan oleh manusia antaranya ialah pembaziran masa, kekayaan, hati, tubuh badan dan lain-lain.

Amat rugi sekiranya keberkatan di bulan Ramadan ini tidak direbut untuk menggandakan amalan kebaikan.

Kadangkala masa berlalu begitu sahaja tanpa disedari Ramadan pergi tanpa diisi dengan amalan yang membawa kepada taqarrub kepada Allah. Alangkah ruginya jika masa tidak dapat diurus dengan baik. Sekiranya siang hari berpuasa hanyalah beroleh lapar dan dahaga, pada malam hari pula dilanda kekenyangan yang melampaui batas

Apakah makna ibadah dalam ruang masa tersebut, tanpa sedikit pun keinginan dan niat untuk beribadah kepada Allah?

Tubuh badan juga merupakan satu bentuk pembaziran yang perlu dielakkan. Bentuk pembaziran ini seringkali tidak disedari oleh ramai orang kerana merasakan ketaatan kepada Allah sudah dilaksanakan dengan cara berpuasa di siang hari pada bulan Ramadan..



Namun begitu, dalam konteks yang lebih luas, bentuk pembaziran tubuh badan menurut Ibnu Qayyim al-Jawziyyah ialah sekiranya tidak memanfaatkan tubuh badan untuk beribadah kepada Allah. Tubuh badan tidak dijaga dengan baik untuk melaksanakan ibadah khusus atau ibadah umum bagi meraih pahala.

Malah ada yang tidak menjaga kesihatan tubuh badan dengan makan secara berlebihan dan merokok.

Oleh itu, dalam mengekang budaya pembaziran ini, apa yang paling penting adalah kesedaran yang perlu wujud dalam kalangan diri pengguna itu sendiri khususnya umat Islam untuk menjalani ibadah di bulan puasa dengan sempurna dengan memberi fokus kepada amal ibadah dan bukannya memberi fokus pada juadah makanan atau hal-hal lain.

Sekiranya kita berjaya mengamalkan serta melatih diri kita untuk bersikap sederhana sepanjang bulan ini, amalan terbabit akan menjadi ikutan untuk bulan-bulan yang lain



اَيُّنْسِتِيتِيْقَتْ قَمِيقَهْ دَنْ قَعْهَكْ وَدَابَعْ بَنْتَارَهْ سَتِيَا  
INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA

# Tahniah

UCAPAN SEKALUNG  
ATAS PENGANUGERAHAN GELARAN  
**PROFESOR EMERITUS**

OLEH  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)

KEPADА  
**YBHG. PROFESOR EMERITUS  
DATO' DR. JOHARI BIN MAT**  
PENGARAH INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA (IPTG)

DARIPADA  
SELURUH AHLI LEMBAGA PENGARAH IPTG  
DAN WARGA IPTG





# Pegan TOK GURU

## SOLAT

"Bila saya sampai di pejabat, tugas pertama saya buat di pejabat ialah sembahyang dua rakaat di pejabat saya sendiri. Supaya pejabat saya menjadi saksi dengan karpetnya, dengan kerusinya jadi saksi bahawa dia ini sembahyang."

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*"Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk, dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya." (an-Nisa': 103)*

## ISTIGHFAR

"Istighfar kita hari ini, berhajatkan satu istighfar yang lain. Kita beristighfar meminta ampun kepada Allah, tetapi kita tidak memaksudkannya. Kita tidak menyesali dosa yang kita lakukan. Kita minta ampun yang kita tidak minta. Maka beristighfarlah atas istighfar yang cacat itu."

Rasulullah SAW bersabda:

*'Barangsiaapa yang melazimi istighfar, Allah SWT menjadikan untuknya bagi setiap kesempitan itu jalan keluar, setiap kebimbangan itu ada kelapangan dan Allah SWT juga akan mengurniakan kepadanya rezeki yang tidak disangka-sangka.' (HR Abu Daud)*



**15 Jamadil Akhir 1444H / 08 Januari 2023**

Kunjungan dari Yayasan Bushra ke  
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)



**17 Jamadil Akhir 1444H / 10 Januari 2023**

Program RETREAT IPTG di Royal Executive, IBIS Hotel



**11 Rejab 1444H / 02 Februari 2023**

Usrah Bulanan bersama semua kakitangan IPTG



### 17 Rejab 1444H / 08 Februari 2023

Majlis Makan Malam bersama Gabenor Sumatera Barat beserta rombongan di Kompleks Balai Islam, Lundang



### 30 Rejab 1444H / 21 Februari 2023

Lawatan Dr. Muhammad Said Bakar,  
Anggota Kesatuan Ulama' Jordan & Palestin ke IPTG



### 04 Syaaban 1444H / 25 Februari 2023

Kunjungan daripada Pempengaruh (*influencer*) ke IPTG

Ramadan  
Kareem  
1444h

# رمضان كريم



*Program Siaran*  
**SE PANJANG  
RAMADAN  
1444H**

LIVE

**SETIAP  
AHAD-KHAMIS**

TADARUS & TADABBUR  
AL-QURAN

**10 PAGI**

PODCAST@IPTG:  
BARE KENA TAHU

**02:30**

**PETANG**

QASEH RAMADAN

**10 MALAM**


**TONTON  
DISINI**

FACEBOOK & YOUTUBE

 @iptg

 @iptgtv

IMBAS KOD QR DIBAWAH UNTUK  
MENAKSES MEDIA SOSIAL DAN  
PERKEMBANGAN TERKINI IPTG



ZON 1

BACHOK, KOTA BHARU, MACHANG, PASIR MAS, PASIR PUTEH,  
TANAH MERAH, TUMPAT, KUALA KRAI, MUKIM CHIKU

| RAMADAN   | IMSAK | SUBUH | SYURUK | ZOHOR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK | رمضان    |
|-----------|-------|-------|--------|-------|------|---------|-------|----------|
| KHAMIS 23 | 5.56  | 6.06  | 7.15   | 1.20  | 4.28 | 7.23    | 8.28  | ١ خميس   |
| JUMAAT 24 | 5.56  | 6.06  | 7.14   | 1.20  | 4.28 | 7.23    | 8.28  | ٢ جمعة   |
| SABTU 25  | 5.56  | 6.06  | 7.14   | 1.20  | 4.27 | 7.23    | 8.28  | ٣ سبتاً  |
| AHAD 26   | 5.55  | 6.05  | 7.13   | 1.19  | 4.26 | 7.23    | 8.28  | ٤ احد    |
| ISNIN 27  | 5.55  | 6.05  | 7.13   | 1.19  | 4.25 | 7.23    | 8.28  | ٥ اثنين  |
| SELASA 28 | 5.54  | 6.04  | 7.12   | 1.19  | 4.24 | 7.22    | 8.28  | ٦ ثلثاً  |
| RABU 29   | 5.54  | 6.04  | 7.12   | 1.19  | 4.23 | 7.22    | 8.27  | ٧ رابع   |
| KHAMIS 30 | 5.53  | 6.03  | 7.11   | 1.18  | 4.22 | 7.22    | 8.27  | ٨ خميس   |
| JUMAAT 31 | 5.52  | 6.02  | 7.11   | 1.18  | 4.21 | 7.22    | 8.27  | ٩ جمعة   |
| SABTU 1   | 5.52  | 6.02  | 7.10   | 1.18  | 4.20 | 7.22    | 8.27  | ١٠ سبتاً |
| AHAD 2    | 5.51  | 6.01  | 7.10   | 1.17  | 4.19 | 7.22    | 8.27  | ١١ احد   |
| ISNIN 3   | 5.51  | 6.01  | 7.09   | 1.17  | 4.19 | 7.22    | 8.27  | ١٢ اثنين |
| SELASA 4  | 5.50  | 6.00  | 7.09   | 1.17  | 4.18 | 7.21    | 8.27  | ١٣ ثلثاً |
| RABU 5    | 5.50  | 6.00  | 7.09   | 1.16  | 4.17 | 7.21    | 8.27  | ١٤ رابع  |
| KHAMIS 6  | 5.49  | 5.59  | 7.08   | 1.16  | 4.17 | 7.21    | 8.27  | ١٥ خميس  |
| JUMAAT 7  | 5.49  | 5.59  | 7.08   | 1.16  | 4.17 | 7.21    | 8.27  | ١٦ جمعة  |
| SABTU 8   | 5.48  | 5.58  | 7.07   | 1.16  | 4.18 | 7.21    | 8.27  | ١٧ سبتاً |
| AHAD 9    | 5.48  | 5.58  | 7.07   | 1.15  | 4.18 | 7.21    | 8.27  | ١٨ احد   |
| ISNIN 10  | 5.47  | 5.57  | 7.06   | 1.15  | 4.19 | 7.21    | 8.27  | ١٩ اثنين |
| SELASA 11 | 5.47  | 5.57  | 7.06   | 1.15  | 4.19 | 7.21    | 8.27  | ٢٠ ثلثاً |
| RABU 12   | 5.46  | 5.56  | 7.05   | 1.15  | 4.20 | 7.21    | 8.27  | ٢١ رابع  |
| KHAMIS 13 | 5.46  | 5.56  | 7.05   | 1.14  | 4.20 | 7.20    | 8.26  | ٢٢ خميس  |
| JUMAAT 14 | 5.45  | 5.55  | 7.05   | 1.14  | 4.21 | 7.20    | 8.26  | ٢٣ جمعة  |
| SABTU 15  | 5.45  | 5.55  | 7.04   | 1.14  | 4.21 | 7.20    | 8.26  | ٢٤ سبتاً |
| AHAD 16   | 5.44  | 5.54  | 7.04   | 1.14  | 4.22 | 7.20    | 8.26  | ٢٥ احد   |
| ISNIN 17  | 5.44  | 5.54  | 7.03   | 1.13  | 4.22 | 7.20    | 8.26  | ٢٦ اثنين |
| SELASA 18 | 5.43  | 5.53  | 7.03   | 1.13  | 4.22 | 7.20    | 8.27  | ٢٧ ثلثاً |
| RABU 19   | 5.43  | 5.53  | 7.03   | 1.13  | 4.23 | 7.20    | 8.27  | ٢٨ رابع  |
| KHAMIS 20 | 5.43  | 5.53  | 7.02   | 1.13  | 4.23 | 7.20    | 8.27  | ٢٩ خميس  |
| JUMAAT 21 | 5.42  | 5.52  | 7.02   | 1.12  | 4.24 | 7.20    | 8.27  | ٣٠ جمعة  |